



ROSDI melayan pengunjung di gerai jualan keknya di Serambi Teruntum, Tanjung Lumpur.

Kuantan

Promosi bantu tingkat pendapatan

Peniaga di Serambi Teruntum, Tanjung Lumpur, di sini, berterima kasih atas inisiatif mempromosikan pusat pelancongan itu yang mula beroperasi sejak 1 Oktober lalu.

Pelbagai program seperti karnival, pasar tani, pasar malam dan jualan but kereta membantu meningkatkan sumber pendapatan peniaga di serambi itu.

Rebat 30 peratus daripada kadar sewa yang dikenakan kepada peniaga membantu meringankan beban mereka yang baru memulakan perniagaan di situ.

Peniaga kek, Rosdi Mohamed Dol, 30-an, berkata, dia berterima kasih kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) kerana meluluskan permohonan lot kedai di pusat itu.

“Walaupun baru beroperasi, pelbagai program dianjurkan di Serambi Teruntum membantu meningkatkan jualan.

“Kami berterima kasih kepada semua pihak kerana dengan penganjuran itu, orang ramai berkunjung ke pusat pelancongan ini,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Harian Metro
09.11.2017